

Company Name : Sasbadi Holdings Berhad
Date : 08 July 2019
Source : Utusan Online

170 Pasukan Sertai Pertandingan Robotik Kebangsaan

Dianjurkan oleh: KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Dengan kerjasama: INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SULTAN MIZAN

Disokong oleh: PUSAT SAINS HEDARA

Dikuasakan: LEGO educ

PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN (NRC) 2019

Peringkat Negeri Terengganu

10 & 11 Julai (Rabu & Khamis)
IPG Kampus Sultan Mizan, Besut

MART Cities

PERTANDINGAN Robotik Kebangsaan (NRC) 2019 peringkat Terengganu yang akan diadakan pada 10 dan 11 Julai ini di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Sultan Mizan. - UTUSAN ONLINE

BESUT - Sebanyak 170 pasukan dari sekolah menengah dan rendah di negeri ini akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) 2019 peringkat Terengganu yang akan diadakan pada 10 dan 11 Julai ini di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Sultan Mizan di sini.

Penyelaras pertandingan, Dr. Hazlina Awang Lah berkata, pertandingan selama dua hari anjuran Sasbadi Holdings Berhad dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan LEGO Education itu bertujuan berkongsi idea-idea baharu dalam bidang robotik di samping mewujudkan jaringan kerjasama pendidikan antara pelbagai pihak.

Katanya, bagi sekolah rendah tema yang diketengahkan ialah 'Smart Passenger Transport, Smart Cities & Driverless Bus' manakala sekolah menengah pula 'Pro & Rookies, Smart Cities & NRC Football'.

"Penyampaian hadiah akan disempurnakan oleh Pengarah IPG Kampus Sultan Mizan, Dr. Muhamad Sidek Said," katanya. - UTUSAN ONLINE